



## KENYATAAN MEDIA KDNK MENGIKUT NEGERI, 2021

### SEMUA KDNK NEGERI MENCATATKAN PERTUMBUHAN POSITIF SELARI DENGAN PEMULIHAN EKONOMI NEGARA 3.1 PERATUS PADA TAHUN 2021

**PUTRAJAYA, 30 JUN 2022** – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah mengeluarkan **Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mengikut negeri bagi tahun 2021** pada hari ini, susulan daripada KDNK peringkat nasional yang telah dikeluarkan pada 13 Mei 2022. Statistik ini memperincikan penemuan dari perspektif sektoral dan komposisi ekonomi peringkat negeri yang menyumbang kepada kedudukan ekonomi Malaysia. Pada tahun 2021, lima negeri merekodkan prestasi KDNK yang lebih baik berbanding pencapaian di peringkat nasional.

Ekonomi Malaysia kembali menunjukkan pemulihan pada tahun 2021 dengan peningkatan 3.1 peratus berbanding penyusutan 5.5 peratus pada tahun sebelumnya akibat pelbagai inisiatif dan tindakan pantas yang diambil oleh pihak Kerajaan dalam usaha untuk memulihkan ekonomi. Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, “Sektor Pembuatan mengukuh sebanyak 9.5 peratus, diikuti oleh sektor Perkhidmatan, 1.9 peratus dan sektor Perlombongan & pengkuarian, 0.3 peratus. Sektor Pertanian dan Pembinaan masing-masing merosot sebanyak 0.2 peratus dan 5.2 peratus. Selari dengan pemulihan yang ditunjukkan di peringkat nasional, ianya turut diterjemah melalui prestasi KDNK pada semua negeri yang telah mulai pulih daripada krisis global COVID-19 yang ditunjukkan melalui pertumbuhan ekonomi yang lebih baik pada 2021”.

Beralih ke perspektif prestasi mengikut negeri, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan, “Kerajaan telah mengumumkan Pelan Pemulihan Negara pada 15 Jun 2021 sebagai strategi peralihan untuk menangani krisis pandemik COVID-19. Impak pemulihan ini dapat dilihat apabila semua negeri termasuk dua Wilayah Persekutuan mencatatkan prestasi positif pada tahun 2021 berbanding kemerosotan pada 2020. Negeri yang bertumbuh lebih baik berbanding peringkat nasional adalah Pulau Pinang, yang mengungguli prestasi KDNK 2021 dengan peningkatan 6.8 peratus. Ini diikuti oleh Selangor dengan peningkatan 5.0 peratus, Terengganu 3.6 peratus, Perak 3.5 peratus, manakala Kedah berkembang sebanyak 3.2 peratus”.

Peneraju pertumbuhan utama bagi Selangor, Pulau Pinang dan Kedah adalah sektor Pembuatan yang meningkat masing-masing 13.1 peratus, 12.4 peratus dan 6.2 peratus,

disokong oleh kepesatan dalam industri yang berteraskan eksport iaitu produk elektrik, elektronik dan optikal. Bagi Perak, sektor Pembuatan merekodkan pertumbuhan sebanyak 9.2 peratus dipacu oleh pengembangan dalam kedua-dua produk iaitu produk elektrik, elektronik dan optikal serta sarung tangan getah yang terus mendapat permintaan. Sektor Perkhidmatan Perak juga memulih kepada 2.4 peratus (2020: -4.0%) didorong oleh peningkatan dalam subsektor utiliti, pengangkutan & penyimpanan dan maklumat & komunikasi (4.3%). Prestasi melebihi aras nasional bagi Terengganu pula disumbangkan oleh sektor Pembuatan yang melantun semula pada kadar 9.5 peratus (2020: -9.4%) berikutan peningkatan ketara melibatkan produk kimia & bahan kimia.

Beliau turut berkata, “Johor yang merupakan salah satu negeri penyumbang utama kepada KDNK nasional mencatatkan RM131.1 bilion dan kadar pertumbuhan sebanyak 2.4 peratus. Subsektor utiliti, pengangkutan & penyimpanan dan maklumat & komunikasi menjadi pemangkin utama pertumbuhan ini dengan peningkatan sebanyak 6.7 peratus. Sektor Pembuatan juga memulih dengan prestasi 5.5 peratus dipacu oleh produk elektrik, elektronik & optikal dan produk kimia & bahan kimia”.

Pembukaan semula semua sektor ekonomi serta sempadan negara telah meningkatkan permintaan bahan api diperingkat global. Ini memberikan kelebihan kepada sektor Pembuatan bagi negeri yang berorientasikan produk petroleum bertapis. Scenario ini dapat dilihat melalui prestasi KDNK Sarawak, Negeri Sembilan dan Melaka yang masing-masing bertumbuh 2.9 peratus, 3.0 peratus dan 2.0 peratus. Sektor Pembuatan Sarawak memulih kepada 11.2 peratus berbanding kemerosotan 8.6 peratus pada tahun 2020, dipacu oleh produk petroleum, kimia, getah dan plastik. Pengukuhan dalam produk yang sama turut mempengaruhi prestasi sektor Pembuatan Negeri Sembilan yang mengukuh pada kadar 7.2 peratus. Bagi Melaka, di sebalik peningkatan produk petroleum, kimia, getah dan plastik sebanyak 6.7 peratus, segmen kenderaan bermotor dan peralatan pengangkutan menyusut 1.2 peratus berikutan kekurangan bekalan cip semikonduktor dunia. Ini menyebabkan sektor Pembuatan di Melaka berkembang pada kadar lebih perlahan iaitu 3.3 peratus berbanding Sarawak dan Negeri Sembilan.

Pertumbuhan ekonomi Kelantan dan Perlis dipacu oleh sektor Perkhidmatan, khasnya Perkhidmatan Kerajaan yang menyumbang hampir 40 peratus kepada sektor ini di kedua-dua negeri. Perkhidmatan Kerajaan Kelantan meningkat 4.5 peratus, seterusnya mendorong pertumbuhan KDNK Kelantan mencapai 2.4 peratus. Perkhidmatan Kerajaan Perlis meningkat lebih tinggi iaitu 4.8 peratus berbanding 4.2 peratus pada tahun 2020. Namun begitu, Perlis menunjukkan prestasi yang lebih perlahan iaitu 1.5 peratus disebabkan oleh penyusutan sebanyak 6.0 peratus dalam sektor Pertanian, disebabkan oleh kejatuhan dalam aktiviti perikanan laut.

Sementara itu, ekonomi Sabah meningkat sederhana 1.1 peratus, dipengaruhi oleh kejatuhan dalam sektor Pembuatan dan Pertanian yang berteraskan aktiviti hulu dan hiliran kelapa sawit ekoran penyusutan dalam pengeluaran komoditi ini. Bagi sektor Pembuatan, penyusutan adalah sebanyak 1.8 peratus disebabkan oleh kemerosotan dalam aktiviti pembuatan minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan. Sektor

Pertanian juga menyusut 2.4 peratus disebabkan penurunan dalam pengeluaran kelapa sawit dan aktiviti akuakultur. Walau bagaimanapun, pemulihan dalam sektor Perkhidmatan dan Perlombongan & pengkuarian telah mengimbangi keseluruhan KDNK Sabah.

Kebergantungan yang tinggi terhadap industri berdasarkan pelancongan telah menyederhanakan pemulihan ekonomi W.P. Kuala Lumpur dan Pahang apabila masing-masing mencatatkan pertumbuhan marginal 0.8 peratus dan 0.9 peratus. Walau bagaimanapun, prestasi industri pelancongan kedua-dua negeri ini dijangka akan bertambah baik pada 2022 selepas kebenaran rentas negeri dibenarkan bermula 1 Oktober 2021 selain pembukaan semula sempadan negara bermula 1 April 2022 yang akan merancakkan kembali kedatangan pelancong domestik dan antarabangsa. W.P. Labuan juga bertumbuh perlahan 0.5 peratus kesan dari aktiviti kewangan dan insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan yang memperlambat 1.5 peratus berbanding 3.0 peratus pada tahun sebelumnya.

Beralih kepada prestasi KDNK per kapita, kesemua tiga belas negeri dan dua Wilayah Persekutuan mencatatkan peningkatan dalam nilai KDNK per kapita berbanding tahun 2020. Tujuh negeri mencatatkan nilai KDNK per kapita melebihi paras nasional (RM47,324) iaitu W.P. Kuala Lumpur (RM124,232), W.P. Labuan (RM78,032), Pulau Pinang (RM58,527), Sarawak (RM57,635), Selangor (RM55,568), Melaka (RM47,799) dan Negeri Sembilan (RM47,452).

Ketua Perangkawan Malaysia seterusnya merumuskan, "Ekonomi Malaysia dijangka terus meningkat pada 2022 ekoran daripada peningkatan permintaan dalam dan luar negeri berikutan beberapa usaha pantas Kerajaan mengurangkan impak krisis pandemik COVID-19 seperti pembukaan semula sempadan antarabangsa, pelaksanaan pakej bantuan serta rangsangan ekonomi dan kejayaan Program Immunisasi COVID-19 Kebangsaan atau PICK bagi melandaikan lekuk pandemik". Impak pemulihan ini dapat dilihat daripada pemulihan dalam nilai KDNK pada suku pertama 2022 kepada 5.0 peratus berbanding penguncutan 0.5 peratus pada suku pertama 2021. Pada tempoh sama, pasaran buruh lebih kukuh dengan kadar penyertaan tenaga buruh turut naik 0.4 mata peratus kepada 69.0 peratus. Indeks Pelopor bagi April 2022 yang menunjukkan isyarat hala tuju ekonomi dalam masa pendek turut meramalkan prestasi ekonomi Malaysia akan mengekalkan arah aliran yang lebih baik meskipun berdepan dengan ekonomi yang tidak sekata berikutan perbezaan kadar dan masa bagi negara-negara yang telah membuka semula aktiviti ekonomi.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022) bermula 15 April sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut.

DOSM juga menerbitkan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan yang boleh diperoleh dari portal DOSM atau melalui pautan [https://bit.ly/PocketStatsS1\\_2022](https://bit.ly/PocketStatsS1_2022).

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
30 JUN 2022**

**Carta 1: KDNK Malaysia, 2005-2021**




**Carta 2: Pertumbuhan ekonomi mengikut negeri dan aktiviti ekonomi, 2021**

Negeri	Pertanian	Perlombongan & pengkuaran	Pembuatan	Pembinaan	Perkhidmatan	KDNK 2021	KDNK 2020
Pulau Pinang	-2.4	-4.1	12.4	12.9	2.1	6.8	-2.1
Selangor	4.9	-3.0	13.1	-6.6	2.2	5.0	-5.2
Terengganu	-5.3	3.5	9.5	2.5	1.2	3.6	-5.7
Perak	3.1	-3.4	9.2	-6.7	2.4	3.5	-2.4
Kedah	2.6	-4.5	6.2	-8.4	1.9	3.2	-1.8
MALAYSIA	<b>-0.2</b>	<b>0.3</b>	<b>9.5</b>	<b>-5.2</b>	<b>1.9</b>	<b>3.1</b>	<b>-5.5</b>
Negeri Sembilan	-0.4	-3.4	7.2	-0.3	2.0	3.0	-3.6
Sarawak	-3.2	-3.3	11.2	10.2	2.1	2.9	-6.8
Johor	0.6	-7.5	5.5	-18.0	2.6	2.4	-4.7
Kelantan	1.0	5.1	2.1	1.2	2.7	2.4	-1.2
Melaka	-0.6	-4.4	3.3	-9.5	2.3	2.0	-5.9
Perlis	-6.0	-2.3	5.4	0.2	2.3	1.5	-6.0
Sabah	-2.4	2.4	-1.8	7.9	1.8	1.1	-9.2
Pahang	-0.1	-13.5	6.1	18.5	-1.4	0.9	-6.1
W.P. KL*	-0.5	-3.1	4.3	-12.1	1.6	0.8	-7.4
W.P. Labuan	1.3	-	-1.0	-11.8	1.5	0.5	-0.4
SUPRA	-	2.2	-	-	-	2.2	-11.0

\* Termasuk W.P. Putrajaya

Carta 3 : Struktur ekonomi mengikut negeri dan aktiviti ekonomi, 2021




\*Termasuk W.P. Putrajaya

Jadual 1: KDNK per kapita (RM) mengikut negeri, 2021

Per kapita (RM)	2020	2021
<b>Johor</b>	35,975	38,646
<b>Kedah</b>	22,162	23,119
<b>Kelantan</b>	14,069	14,643
<b>Melaka</b>	45,924	47,799
<b>Negeri Sembilan</b>	43,922	47,452
<b>Pahang</b>	36,072	39,275
<b>Pulau Pinang</b>	54,830	58,527
<b>Perak</b>	31,476	34,433
<b>Perlis</b>	23,601	24,216
<b>Selangor</b>	52,106	55,568
<b>Terengganu</b>	26,907	28,370
<b>Sabah</b>	21,706	26,674
<b>Sarawak</b>	48,785	57,635
<b>W.P. KL*</b>	121,280	124,232
<b>WP Labuan</b>	76,918	78,032
<b>Malaysia</b>	<b>43,518</b>	<b>47,324</b>

\* Termasuk W.P. Putrajaya

**Carta 4: Indeks Pelopor (2015=100) dan Kitaran Perniagaan (Kawasan Berlorek Kelabu),  
Januari 1991 hingga April 2022**





PRIME MINISTER'S DEPARTMENT  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

## **MEDIA STATEMENT GDP BY STATE, 2021**

### **GDP OF ALL STATES RECORDED POSITIVE GROWTH IN LINE WITH THE NATIONAL ECONOMIC RECOVERY OF 3.1 PERCENT IN 2021**

**PUTRAJAYA, 30<sup>th</sup> JUNE 2022** – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has released the **Gross Domestic Product (GDP) by state for 2021** today, following the national release on 13<sup>th</sup> May 2022. These statistics describe the findings from a sectoral perspective and the economic composition of Malaysia's states, which establish the country's economic standing. In 2021, five states outperformed the national GDP growth.

Malaysia's economy rebounded in 2021, picking up 3.1 per cent from the previous year's negative 5.5 per cent, owing to the government's efforts and swift responses to revive the economy. According to the Chief Statistician of Malaysia, "The Manufacturing sector accelerated by 9.5 per cent, followed by the Services sector by 1.9 per cent and the Mining & quarrying sector by 0.3 per cent. The Agriculture and Construction sectors, on the other hand, declined by 0.2 per cent and 5.2 per cent, respectively. In the same manner, all states began to recover from the global COVID-19 crisis and reported improved performance in 2021".

Moving on to the state performance, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin explained, "The National Recovery Plan was announced by the government on 15<sup>th</sup> June 2021, as a transitional strategy to safely exit the COVID-19 pandemic. All states, including two Federal Territories, indicated signs of recovery in 2021 by registering positive growth in comparison to declines in 2020. The states that surpassed the national growth are Pulau Pinang, with the fastest growth of 6.8 per cent in 2021, followed by Selangor which grew by 5.0 per cent, Terengganu, 3.6 per cent, Perak, 3.5 per cent and Kedah, 3.2 per cent".

The key catalyst for Selangor, Pulau Pinang and Kedah was the Manufacturing sector, which accelerated by 13.1 per cent, 12.4 per cent and 6.2 per cent, respectively, fueled by the production of electrical, electronic and optical products. The advancement of the Manufacturing sector (9.2%) also provided further lift to Perak, particularly for electrical, electronic and optical products as well as rubber glove products, which remained in demand. In addition, the Services sector in Perak strengthened by 2.4 per cent (2020: -4.0%), driven by gains in the utilities, transportation & storage, information &

communication subsector (4.3%). On another note, the solid performance of Terengganu was aided by the Manufacturing sector, which blossomed by 9.5 per cent (2020: -9.4%), following a significant increase in the production of chemical products.

He added, “Johor upholds its position as the top five of Malaysia’s largest economy, recorded a value added of RM131.1 billion and a growth of 2.4 per cent. The utilities, transportation and storage, information and communication subsector was the primary driving force, with a growth of 6.7 per cent. The Manufacturing sector rebounded with a 5.5 per cent growth, underpinned by electrical, electronic & optical products and chemical products & chemicals”.

*The reopening of all economic sectors and borders increased the global demand for fuel. This benefited the Manufacturing sector, particularly in the refined petroleum products-oriented state. This scenario can be observed by the GDP performance in Sarawak, Negeri Sembilan and Melaka, which grew by 2.9 per cent, 3.0 per cent, and 2.0 per cent, respectively. The Manufacturing Sector in Sarawak accelerated by 11.2 per cent from an 8.6 per cent decline in 2020, buoyed by petroleum, chemical, rubber and plastic products. The surge in the same products had a similar effect on the performance of the Manufacturing sector in Negeri Sembilan, which strengthened by 7.2 per cent. Despite a 6.7 per cent increase in petroleum, chemical, rubber and plastic products for Melaka, the motor vehicle and transport equipment segment diminished by 1.2 per cent, due to a worldwide shortage of semiconductor chips. Thus, the Manufacturing sector in Melaka expanded at a slower rate of 3.3 per cent compared to that of Sarawak and Negeri Sembilan.*

*The economic growth of Kelantan and Perlis is fueled by the Services sector, primarily Government Services, which accounts for almost 40 per cent of the sector in these two states. Government Services in Kelantan rose by 4.5 per cent, further driving Kelantan's GDP growth to 2.4 per cent. Meanwhile, Government Services in Perlis grew by 4.8 per cent from 4.2 per cent in 2020. However, Perlis exhibited moderate growth of 1.5 per cent, pulled by a 6.0 per cent decline in the Agriculture sector due to a fall in marine fishing activities.*

*Meanwhile, Sabah's economy grew modestly by 1.1 per cent, albeit with declines in the Manufacturing and Agriculture sectors, which heavily rely on upstream and downstream oil palm activities following decreased production in this commodity. The Manufacturing sector contracted by 1.8 per cent due to a drop in the manufacture of vegetable & animal oils and fats. The Agriculture sector shrank by 2.4 per cent, influenced by declines in oil palm production and aquaculture activities. However, the recovery in the Services and Mining & quarrying sectors counterbalanced the overall GDP growth in Sabah.*

*The high reliance on tourism-based sectors has tempered the economic recovery of W.P. Kuala Lumpur and Pahang, with marginal growth rates of 0.8 per cent and 0.9 per cent, respectively. However, the performance of the tourism industries of these states is anticipated to improve in 2022 following the lifting of the interstate travel ban on*

1<sup>st</sup> October 2021 and the reopening of the country's borders on 1<sup>st</sup> April 2022, both of which will increase domestic and international tourist arrivals. W.P. Labuan grew marginally by 0.5 per cent, influenced by financial and insurance activities, real estate, and business services, whose growth slowed to 1.5 per cent from 3.0 per cent the previous year.

Shifting to the performance of GDP per capita, all thirteen states and two Federal Territories reported an improvement compared to the previous year. Seven states exceeded national GDP per capita (RM47,324), which are W.P. Kuala Lumpur (RM124,232), W.P. Labuan (RM78,032), Pulau Pinang (RM58,527), Sarawak (RM57,635), Selangor (RM55,568), Melaka (RM47,799) and Negeri Sembilan (RM47,452).

The Chief Statistician of Malaysia further concluded, "The Malaysian economy is anticipated to continue thriving due to growing domestic and external demand following the government's effective response to reduce the impact of the COVID-19 crisis, including reopening international borders, introducing various economic stimulus packages and the success of the National COVID-19 Immunisation Programme or PICK". The occurrence of this recovery is reflected by the 5.0 per cent appreciation in GDP during the first quarter of 2022, compared to a contraction of 0.5 per cent in the first quarter of 2021. During the same period, the labor market strengthened, with the labour force participation rate went up by 0.4 percentage points to 69.0 per cent. The Leading Index for April 2022, which signals the direction of the economy in a short term, also predicts that the performance of the Malaysian economy will maintain a better trend despite the uneven economy in terms of rate and timing differences for countries that have reopened economic activity.


The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 to 31st December 2022 and the Annual Economic Survey 2022 (AES 2022) from 15th April 2022 to 30th September 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success. Please visit [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) for more information.

DOSM also released economic and social statistics, namely PocketStats which contain quarterly and annual statistics that can be obtained from the DOSM portal or via the link [https://bit.ly/PocketStatsQ1\\_2022](https://bit.ly/PocketStatsQ1_2022)

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA  
30<sup>th</sup> JUNE 2022**

**Chart 1: National GDP, 2005-2021**




**Chart 2: Economic growth by state and economic activity, 2021**

State	Agriculture	Mining & quarrying	Manufacturing	Construction	Services	GDP 2021	GDP 2020
Pulau Pinang	-2.4	-4.1	12.4	12.9	2.1	6.8	-2.1
Selangor	4.9	-3.0	13.1	-6.6	2.2	5.0	-5.2
Terengganu	-5.3	3.5	9.5	2.5	1.2	3.6	-5.7
Perak	3.1	-3.4	9.2	-6.7	2.4	3.5	-2.4
Kedah	2.6	-4.5	6.2	-8.4	1.9	3.2	-1.8
MALAYSIA	<b>-0.2</b>	<b>0.3</b>	<b>9.5</b>	<b>-5.2</b>	<b>1.9</b>	<b>3.1</b>	<b>-5.5</b>
Negeri Sembilan	-0.4	-3.4	7.2	-0.3	2.0	3.0	-3.6
Sarawak	-3.2	-3.3	11.2	10.2	2.1	2.9	-6.8
Johor	0.6	-7.5	5.5	-18.0	2.6	2.4	-4.7
Kelantan	1.0	5.1	2.1	1.2	2.7	2.4	-1.2
Melaka	-0.6	-4.4	3.3	-9.5	2.3	2.0	-5.9
Perlis	-6.0	-2.3	5.4	0.2	2.3	1.5	-6.0
Sabah	-2.4	2.4	-1.8	7.9	1.8	1.1	-9.2
Pahang	-0.1	-13.5	6.1	18.5	-1.4	0.9	-6.1
W.P. KL*	-0.5	-3.1	4.3	-12.1	1.6	0.8	-7.4
W.P. Labuan	1.3	-	-1.0	-11.8	1.5	0.5	-0.4
SUPRA	-	2.2	-	-	-	2.2	-11.0

\* Includes W.P. Putrajaya

### **Chart 3: Economic structure by state and economic activity, 2021**



**Table 1: GDP per capita (RM) by state, 2021**

Per capita (RM)	2020	2021
<b>Johor</b>	35,975	38,646
<b>Kedah</b>	22,162	23,119
<b>Kelantan</b>	14,069	14,643
<b>Melaka</b>	45,924	47,799
<b>Negeri Sembilan</b>	43,922	47,452
<b>Pahang</b>	36,072	39,275
<b>Pulau Pinang</b>	54,830	58,527
<b>Perak</b>	31,476	34,433
<b>Perlis</b>	23,601	24,216
<b>Selangor</b>	52,106	55,568
<b>Terengganu</b>	26,907	28,370
<b>Sabah</b>	21,706	26,674
<b>Sarawak</b>	48,785	57,635
<b>W.P. KL*</b>	121,280	124,232
<b>WP Labuan</b>	76,918	78,032
<b>Malaysia</b>	<b>43,518</b>	<b>47,324</b>

\* Includes W.P. Putrajaya

**Chart 4: Leading Index (2015=100) and Business Cycle (Grey Shaded Areas), January 1991 to April 2022**

